



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	UTUSAN MALAYSIA		
TARIKH	:	21/9/2019	MUKA SURAT	: 42
JABATAN	:	JPSM / PERHILITAN		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

Kontraktor 'kebal' ceroboh hutan diberkas

Oleh MUHAMAD AIMY AHMAD

penarang@utusan.com.my

■ ALOR SETAR 20 SEPT.

KEGIATAN seorang kontraktor menceroboh Hutan Simpan Gunung Inas di Mahang, Kulim sejak lima tahun lalu akhirnya menerima padah apabila ditahan Jabatan Perhutanan negeri, semalam.

Lelaki berusia 43 tahun itu dipercayai bukan sahaja bercadang menanam kelapa sawit dan durian musang king di Kompartmen 19 hutan itu, tetapi turut membina sebuah rumah kayu menggunakan kayu-kayu bernilai tinggi.

Dalam serbuan kira-kira pukul 4 petang bersama anggota Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan), turut dirampas 36 rusa, tujuh landak, tiga burung unta serta empat kuda yang dipelihara di dalam hutan berkenaan.

Pengarah Jabatan Perhutanan negeri, Roslan Rani berkata, lelaki itu ditahan ketika sedang berehat di rumah terbabit, manakala pekerjaanya yang merupakan warganegara Bangladesh berusia 46 tahun sedang membina chalet.

Katanya, serbuan dilakukan selepas Jabatan Perhutanan menerima maklumat awam mengenai kegiatan lelaki terbabit selain risikan yang dilakukan selama seminggu.

"Anggota terpaksa meredah hutan untuk melakukan intipan dari atas bukit sebelum serbuan dilakukan, ketika itu terdapat tiga pekerjaanya sedang membina chalet namun dua daripada mereka berjaya melarikan diri ke dalam hutan berkenaan.

"Suspek yang dikatakan 'kebal' sebelum ini membuat pagar di tanah berkenaan bagi mengelak kegiatannya dihidu, kita percaya hutan ini dibersihkan dan akan

dijadikan kawasan pertanian serta ternakan haiwan," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Roslan berkata, siasatan awal mendapati kawasan itu diceroboh dan diteroka sejak lima tahun lalu dengan anggaran kerugian melebihi RM500,000.

"Sebuah jengkaut, lori dan pacuan empat roda jenis Toyota Hilux turut dirampas, manakala haiwan ternakan diserahkan kepada Perhilitan untuk disiasat di bawah Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010," katanya.

Menurutnya, kedua-dua lelaki terbabit dibawa ke Balai Polis Mahang untuk diambil keterangan sebelum dilepaskan dengan jaminan polis.

Beliau berkata, kes berkenaan disiasat mengikut Seksyen 32 (1) Enakmen (Pemakaian) Akta Perhutanan Negara 1985 kerana menduduki dan menjalankan aktiviti di dalam Hutan Simpanan Kekal tanpa kebenaran.

"Jika sabit kesalahan, lelaki terbabit boleh didenda tidak lebih RM50,000 atau penjara tidak lebih lima tahun atau kedua-duanya," katanya.



ROSLAN RANI